



PELBAGAI...
pameran
Dekorasi
Rumah
2011
di Kuala
Lumpur.

Sasar jualan RM55 juta

KUALA LUMPUR: Pameran Dekorasi Rumah 2011 (HomeDecor 11) bermula semalam di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur menyasar RM55 juta jualan iaitu peningkatan lima peratus berbanding tahun lalu.

Presiden CIS Network Sdn Bhd, Vincent Lim berkata, sasaran itu berdasarkan perolehan RM50 juta direkodkan pada pameran sama pada pusingan awal tahun yang berlangsung tahun lalu.

"Acara berkenaan yang akan berlangsung selama empat hari dijangka menarik lebih 80,000 pelawat disebabkan diskaun istimewa yang ditawarkan terma-

suk 30 produk baru yang pertama kali diperkenalkan beberapa peserta pameran.

"Pameran kali ini diadakan di enam dewan menempatkan 300 peserta pameran daripada pelbagai syarikat produk kediaman," katanya ketika ditemui pameran itu di sini, semalam.

Katanya, apa yang lebih menarik, pengunjung turut berpeluang menyertai seminar yang akan dikendalikan ahli panel berpengalaman.

"Seminar secara percuma itu yang bermula pada hari ini hingga 2 Mei dibuka kepada pengunjung berusia 10 tahun ke atas," katanya.